

BERSAMA MARA MENEMPUHI CABARAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan izin-Nya, kita telah pun mengharungi fasa pertama PKP dan kini kita telah berada di fasa kedua yang dijangka akan berakhir pada 14 April nanti.

Walaupun negara melalui detik sukar pada ketika ini, dan MARA secara khususnya, kita turut terkesan akibat tidak dapat melaksanakan perancangan dan program yang telah kita atur. Tetapi kita perlu positif dan yakin ada hikmah yang besar di sebalik musibah dan ujian ini.

Penularan wabak ini dan PKP menyebabkan kita belajar banyak perkara baharu dan melakukan inovasi serta pendekatan yang jarang kita lakukan sebelum ini. Kita berjaya melaksanakan program bicara keusahawanan *BizTalk* secara *online*, melaksanakan proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dengan aplikasi seperti Google Classroom, Zoom dan sebagainya, bahkan khidmat pengurusan serta sistem penyampaian kita tetap berjalan menyantuni ribuan pelanggan MARA melalui pelbagai kaedah dan platform teknologi. Lebih jauh dari itu, khidmat pelanggan MARA Careline juga beroperasi 24 jam setiap hari, dan sememangnya pelanggan kita ada yang menghubungi MARA walaupun pada larut malam.

PKP juga menjadikan kita semakin selesa untuk bermesyuarat secara maya menggunakan teknologi komunikasi terkini melalui Skype, Microsoft Team atau Google Meet.

Senario ini menunjukkan betapa warga kerja MARA keseluruhannya mempunyai tahap inovasi perkhidmatan (*service innovation*) dan adaptasi teknologi yang tinggi. PKP mengajar kita untuk mempelajari *the new normal* dan menjadikan kita lebih efisien serta efektif dalam melaksanakan tugas. Tahniah semua saya ucapkan.

Warga MARA yang dikasihi,

Apabila negara berhadapan dengan situasi sukar kini, saya melihat warga MARA mempunyai kesedaran yang tinggi untuk melakukan kerja sukarela dengan menggunakan kepakaran dan pengetahuan yang anda semua miliki.

Tanpa diarah, kita dengan kesedaran untuk membantu barisan hadapan negara telah berjaya menyumbang pelbagai keperluan penting termasuk *Personal Protective Equipment (PPE)*, *shield box*, *sanitizer* serta keperluan lain. Kemahiran dan pelbagai teknologi kita gunakan, sama ada *3D printing*, teknologi jahitan, *water jet technology*, *laser cutting* dan sebagainya. Bukan hanya IPMA dan warga kerja MARA, tetapi usahawan dan inkubator MARA juga turut bersama menyumbang melalui kepakaran yang mereka peroleh dengan latihan keusahawanan dan kemahiran MARA. Begitu juga dengan kaunselor MARA yang turut memberi sokongan emosi dan kesejahteraan mental kepada mereka yang terjejas akibat PKP.

“*Saya terharu dan berbangga atas inisiatif anda semua, dan inilah inisiatif MARA untuk negara. Syabas saya ucapkan dan anda semua sememangnya adalah yang terbaik.*”

Pada 27 Mac yang lalu, kita turut melancarkan Tabung MARA Prihatin Covid-19, sejajar dengan pelancaran Tabung Bencana Covid-19 peringkat kebangsaan yang dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri.

Pada ketika saya menulis bingkisan ini, jumlah terkumpul yang telah disumbangkan oleh warga kerja MARA, pesara MARA dan NGO MARA seperti BUMIRA telah mencecah RM41,085.24. Teruslah menyumbang kerana ada antara kita yang amat terkesan dengan wabak ini, hilang punca pendapatan, hilang pekerjaan bahkan tiada sumber kewangan untuk membeli keperluan asas. Sumbanglah walau sekecil mana pun dengan niat meringankan beban saudara kita kerana Rasulullah saw telah bersabda:

“Barangsiapa membantu menghilangkan kesedihan dan kesusahan orang mukmin ketika di dunia maka Allah akan menghilangkan kesusahan dirinya di akhirat kelak dan barangsiapa yang memberikan kemudahan (membantu) kepada orang yang kesusahan, nescaya Allah akan membantu memudahkan urusannya di dunia dan di akhirat. Sesungguhnya Allah sentiasa membantu seseorang hamba selama mana dia membantu saudaranya.”

(Maksud hadis riwayat Muslim)



Warga MARA yang dihormati,

Impak daripada wabak Covid-19 ini mempunyai kesan jangka panjang dan sederhana yang perlu kita kaji secara strategik untuk memastikan program MARA pada masa hadapan menepati keadaan dan situasi semasa.

Program keusahawanan MARA perlu kita melihatnya secara terperinci, mengkaji kesannya kepada setiap industri apatah lagi kebanyakan usahawan Bumiputera dan komuniti niaga MARA terlibat dalam sektor perkhidmatan. Selain membantu mereka secara berasingan untuk terus bertahan menghadapi krisis ekonomi kali ini, kita perlu membina *bamboo network* di kalangan usahawan MARA supaya mereka lebih *resilient* dan dapat menyokong antara satu sama lain.

Strategi pendidikan kita perlu melihat ke hadapan untuk distruktur semula terutamanya dari aspek penganjuran pelajaran. Dalam krisis ini, penjajaran semula adalah perlu untuk menyusun prioriti agar bajet penganjuran pelajaran dapat dimanfaatkan sebaik mungkin. IPMA perlu melihat ke hadapan bagi memberi nilai tambah yang tinggi kepada pelajar dengan sistem pendidikan yang *flexible* supaya apabila mereka bergraduasi nanti mereka benar-benar bersedia menghadapi realiti ekonomi yang mencabar.

Anak syarikat dan subsidiari MARA perlu merencana kembali pelan perniagaan masing-masing dan melihat menjangkaui aspek keuntungan, kerana kini adalah waktu untuk kita bersama mengukuhkan negara.

Dalam jangka masa pendek pula, kita perlu memastikan insentif yang MARA tawarkan kepada para pelanggan sama ada moratorium pembiayaan perniagaan, sewaan premis mahu pun pinjaman pelajaran MARA diuruskan sebaik mungkin.

Apabila insentif ini dilaksanakan, ia sudah pasti memberi kesan kepada penjana kutipan MARA. Ini bermakna kita perlu lebih berhati-hati dalam berbelanja.

Justeru, kita perlu menyusun perbelanjaan MARA secara menyeluruh mengikut prioriti dan keperluan yang mendesak supaya bajet yang disalurkan oleh kerajaan kepada MARA dapat memberi impak yang signifikan kepada kumpulan sasaran.



Selain itu, banyak perkara akan turut berubah dalam jangka waktu terdekat ini. Antaranya, tiada lagi perhimpunan secara berskala besar dapat dianjurkan. Kesan wabak Covid-19 menjadikan program bersifat perhimpunan, *exposition* dan *exhibition* perlu dihadkan atau mungkin ditiadakan sama sekali dalam tempoh beberapa bulan mendatang. Program bersifat rentas sempadan ke luar negara juga akan kita kaji dan saring untuk memastikan hanya yang benar-benar penting sahaja diberikan kebenaran.

Ini adalah sebahagian senario yang saya ingin gambarkan untuk kita fikirkan bersama. Kita perlu melihat ke hadapan, *to envision the future* agar kita bersedia untuk menghadapi detik sukar ini. Saya yakin kita semua mempunyai semangat dan motivasi tinggi untuk bersama menempuhi cabaran ini bersama, *together facing the challenge*, dengan penuh tawakal dan doa kepada Allah swt.

Sekian, terima kasih.

Dato' Azhar bin Abdul Manaf
Ketua Pengarah MARA

